



PENERANGAN IKON GREEN FINS

Lindungi terumbu karang dengan mengikuti tip persekitaran berikut



Jangan sentuh, tendang, pijak, melutut atau baring di atas batu karang

Perhatikan kaki dan fin anda pada setiap masa. Penyelam dan perenang snorkeling boleh mematahkan karang dengan kaki atau fin mereka dengan mudah. Karang adalah sangat rapuh dan mengambil masa yang lama untuk membesar. Memijak atau menendang karang boleh mematahkannya, mendedahkannya kepada penyakit atau membunuhnya - dan melukakan kaki anda.



Jangan kacau sedimen

Jika anda tidak berhati-hati, fin anda boleh mengacau sedimen, mengganggu habitat haiwan dan melitupi karang dengan sedimen. Ini mengurangkan keupayaan karang untuk berfotosintesis dan boleh menyebabkan kematian. Ini juga boleh menyebabkan penyebaran penyakit, haiwan kecil dihanyutkan atau meningkatkan kebarangkalian mereka ditangkap pemangsa.



Jangan kejar atau sentuh hidupan laut

Ini boleh menyebabkan tekanan kepada mana-mana haiwan. Ia juga boleh memindahkan penyakit atau menghilangkan lapisan pelindung ikan, mamalia, invertebrata dan spesies lain. Lihat tetapi jangan sentuh dan cuba jangan terlalu mendekati hidupan laut. Dengan memberi hidupan marin ruang yang besar, anda juga berkemungkinan besar mempunyai pengalaman yang lebih lama dan lebih menyeronokkan.



Jangan beri makanan kepada ikan

Memberi makanan kepada ikan dan spesies lain boleh menyebabkan mereka bergantung pada sumber makanan tersebut. Ini juga menjadikan ikan lebih agresif terhadap penyelam kerana ikan sangka akan diberi makanan. Malah ia boleh menyebabkan batu karang dilitupi alga kerana ikan tidak lagi makan sumber makanan semula jadi ini. Ikan yang diberi makan mungkin menjadi sakit dan juga lebih cenderung meninggalkan sarang mereka, maka mendedahkan sarang mereka kepada pemangsa.



Jangan buang sampah merata-rata

Membuang sampah ke dalam laut akan membunuh hidupan laut, meracuni makanan laut dan boleh menyebabkan kecederaan. Bahan kimia dalam sisa boleh mencemari lautan dan memasuki rantai makanan. Pencemaran laut dan mikroplastik boleh membahayakan manusia kerana ia telah ditemui dalam makanan dan minuman kita.



PENERANGAN IKON GREEN FINS

Lindungi terumbu karang dengan mengikuti tip persekitaran berikut




Jangan beli karang, cangkerang atau hidupan laut sebagai cenderahati

Ini menggalakkan orang ramai untuk mengumpul bertan-tan hidupan laut, mati atau hidup, daripada ekosistem laut untuk dijual sebagai cenderahati. Kebanyakan spesies ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan ekosistem terumbu yang sihat. Jika pembelian berhenti, pembunuhan dan pengumpulan juga menyusuli.



Jangan menyokong pemotongan sirip yu

100 juta ikan yu dibunuh setiap tahun oleh perdagangan sirip ikan yu. Ikan yu dibunuh untuk sirip mereka, yang digunakan untuk membuat sup. Di sesetengah negara, minyak hati ikan yu dijadikan sebagai nutrien tambahan dan penawar untuk penyakit tertentu. Membunuh pemangsa ini boleh mewujudkan ketidakseimbangan dalam ekosistem laut. Jangan makan di restoran atau beli dari kedai yang menjual produk ikan yu.



Jangan tembak ikan

Kaedah memancing ini membunuh spesies yang terbesar dan mengambil masa paling lama untuk membiak, yang boleh mengubah keseimbangan ekosistem dan mengganggu rantai makanan secara mendadak. Ia juga berkemungkinan mencederakan spesies lain jika ia tidak ditembak dengan betul, dan menyebabkan kematian. Menembak ikan juga boleh menyebabkan kerosakan kepada hidupan laut lain, termasuk batu karang.



Jangan letak sauh di atas terumbu karang

Sauh adalah berat dan selalunya mempunyai rantai yang panjang. Apabila dibuang ke atas terumbu karang, ia menyebabkan kemusnahan besar. Jika bot berubah arah mengikut angin atau arus, sauh dan rantai akan menyeret dan menyebabkan lebih banyak kerosakan pada terumbu berharga kita.



Jangan ambil hidupan laut - mati atau hidup

Mengambil spesies yang biasanya akan terurai dan dikitar semula menyebabkan haiwan lain kekurangan nutrien dan unsur yang diperlukan untuk pertumbuhan. Malah cengkerang kosong di pantai memainkan peranan penting dalam ekosistem. Jangan ambil apa-apa selain gambar. Jangan tinggalkan apa-apa selain buih.



PENERANGAN IKON GREEN FINS

Lindungi terumbu karang dengan mengikuti tip persekitaran berikut



Jangan pakai sarung tangan

Memakai sarung tangan boleh menggalakkan anda untuk memegang sesuatu, seperti batu karang. Selain berpotensi merosakkan hidupan laut dan menyebarkan penyakit, memakai sarung tangan juga boleh membahayakan anda. Sarung tangan tidak akan memberikan sebarang perlindungan daripada kecederaan yang disebabkan oleh hidupan laut yang berbahaya atau berbisa.



Memakai jaket keselamatan

Ia disyorkan untuk semua perenang - tidak kira tahap kemahiran. Memakai jaket keselamatan - dan kekal mendatar di air - membantu anda mengelakkan daripada berdiri atau menendang batu karang di kawasan cetek. Batu karang yang patah boleh mengambil masa bertahun-tahun untuk pulih.



Pakai boya penambat

Kesan sauh boleh dielakkan dengan menggunakan boya penambat. Amalan ini juga memberi teladan yang baik untuk orang lain dan meningkatkan kesedaran mengenai kerosakkan yang disebabkan oleh sauh.



Lapor amalan yang melanggar undang-undang alam sekitar

Laporkan amalan yang merosakkan dan melanggar undang-undang alam sekitar. Beritahu pemandu selam, pengendali selam, ketua kampung atau pegawai kerajaan anda. Dengan memaklumkan pihak berkuasa, anda menjadi sebahagian daripada penyelesaian kerana keperihatinan anda boleh membawa kepada tindakan yang sewajarnya.



Mengambil bahagian dalam projek pemuliharaan

Dengan mengambil bahagian dalam projek pemuliharaan, anda boleh memberi kesan positif kepada alam sekitar dan membantu mendidik orang lain. Sedikit bantuan daripada semua orang akan membantu.